



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (K&P)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**2 OGOS 2019 (JUMAAT)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**2 OGOS 2019 (JUMAAT)**

## Ghost Smoke: KPDNHEP periksa 2,401 premis

**PUTRAJAYA 1 Ogos** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menjalankan pemeriksaan ke atas 2,401 premis di seluruh negara bagi tempoh 23 hingga 31 Julai lalu dalam usaha membanteras penjualan gula-gula Ghost Smoke-Cool Fruit Powder dalam kalangan pelajar sekolah.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Ha-

lim Sulaiman berkata, pemeriksaan itu membabitkan pemborong dan peruncit.

Beliau berkata, hasil daripada pemeriksaan tersebut sebanyak 12 kertas siasatan telah dibuka dan sebanyak 1,762 paket gula-gula berkenaan telah dirampas untuk tindakan lanjut.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 kerana disyaki menjual barangan yang menggunakan

perihal dagangan palsu.

"Sekiranya disabitkan kesalahan, individu yang terbabit boleh didenda tidak melebihi RM250,000 bagi satu pertubuhan perbadanan. Sebaliknya, bagi peniaga bukan pertubuhan perbadanan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun atau keduanya," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Iskandar berkata, operasi tersebut dijalankan kerana pihak Kementerian menyedari kebimbangan ibu bapa terhadap penjualan secara meluas gula-gula berkenaan dalam kalangan pelajar, yang dijual dengan harga 50 sen sepaket.

"Pihak Kementerian ingin memberi amaran dan mengingatkan mana-mana peniaga supaya menghentikan segera penjualan gula-gula Ghost Smoke terbabit," katanya.



**PEGAWAI** penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merampas gula-gula Ghost Smoke dalam satu operasi, baru-baru ini. - IHSAN KPDNHEP

**GHOST SMOKE**

# 1,762 paket 'hantu'

■ **KPDNHEP** periksa 2,401 premis pemborong, peruncit

Mohd Husni Mohd Noor  
mhusni@hmetro.com.my

**Putrajaya**

**S**ebanyak 1,762 paket gula-gula *Ghost Smoke* dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi tempoh 23 hingga 31 Julai lalu memabatkan pemeriksaan di 2,401 premis di peringkat pemborong dan peruncit.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, pihaknya membuka 12 kertas siasatan susulan rampasan itu mengikut Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 kerana disyaki menjual barangan yang menggunakan perihal dagangan palsu.

Beliau berkata, jika sabit kesalahan, individu yang



**PEGAWAI KPDNHEP** merampas gula-gula *Ghost Smoke* di premis pemborong dan peruncit.

terbabit boleh didenda tidak melebihi RM250,000 bagi satu pertubuhan perbadanan manakala bagi peniaga bukan pertubuhan perbadanan pula boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

"Kami menyedari akan kebimbangan ibu bapa, justeru Kementerian memberi perhatian sepenuhnya berhubung isu ini.

"Gula-gula terbabit yang dijual dengan harga 50 sen disukai dan dijual secara meluas dalam kalangan pelajar sekolah.

"Justeru, bermula 23 Julai lalu, Kementerian mengerakkan anggota penguat kuasa di seluruh negara untuk menjalankan pemeriksaan gula-gula *Ghost Smoke* di premis-premis perniagaan yang menjual gula-gula terbabit," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Menurutnya, Kementerian ingin memberi amaran dan peringatan kepada peniaga supaya menghentikan segera penjualan gula-gula *Ghost Smoke*.

Iskandar berkata, sekiranya premis yang menjual gula-gula itu ditemui, ibu bapa dan masyarakat boleh menyalurkan aduan kepada KPDNHEP melalui talian 1-800-886-800 atau WhatsApp ke 019-2794317 atau melalui portal, [aduan.kpdnhep.gov.my](http://aduan.kpdnhep.gov.my) untuk diambil tindakan sewajarnya.

## 1,762 paket *Ghost Smoke* dirampas

**PUTRAJAYA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas sebanyak 1,762 paket gula-gula *Ghost Smoke* sepanjang pemeriksaan yang dijalankan di seluruh negara pada 23 hingga 31 Julai lalu.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, dalam pemeriksaan itu, sebanyak 2,401 buah premis di peringkat pemborong dan peruncit telah diperiksa.

"Sehubungan dengan itu, kita telah membuka sebanyak 12 kertas siasatan membabitkan kes tersebut.

"Gula-gula itu dijual pada harga 50 sen sebiji. Ia disukai dan dijual secara meluas kepada pelajar sekolah. KPDNHEP menyedari akan kebimbangan ibu bapa dan memberi perhatian sepenuhnya berhubung isu ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Iskandar Halim, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 kerana disyaki menjual ba-



SEBAHAGIAN daripada gula-gula *Ghost Smoke* yang dirampas pihak berkuasa di Johor Bahru pada 25 Julai lalu.

rangan yang menggunakan perihal dagangan palsu.

Jelasnya, sabit kesalahan, individu yang terbabit boleh didenda tidak melebihi RM250,000 bagi satu pertubuhan perbadanan.

"Sebaliknya, bagi peniaga bukan pertubuhan perbadanan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau

kedua-duanya.

Sekiranya terdapat premis yang menjual gula-gula *Ghost Smoke* di pasaran, ibu bapa dan masyarakat boleh menyalurkan aduan kepada KPDNHEP melalui talian 1-800-886-800, WhatsApp ke 019-2794317 atau melalui portal iaitu [eaduan.kpdnhep.gov.my](http://eaduan.kpdnhep.gov.my) untuk diambil tindakan sewajarnya.

## 1,762 paket gula-gula *ghost smoke* dirampas

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas sebanyak 1,762 paket gula-gula *ghost smoke* melalui pemeriksaan di premis perniagaan yang menjual produk itu sejak 23 hingga 31 Julai lalu.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, rampasan itu dibuat selepas pihaknya memeriksa sebanyak 2,401 premis di peringkat pemborong dan peruncit, susulan kebimbangan ibu bapa mengenai barangan

yang mengeluarkan asap seakan-akan rokok apabila disedut.

"Daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 12 kertas siasatan telah dibuka dan sejumlah 1,762 paket gula-gula *ghost smoke* dirampas untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau turut mengingatkan peniaga agar menghentikan segera penjualan gula-gula berharga 50 sen itu yang dikesan dijual secara meluas dalam kalangan pelajar sekolah.  
- Bernama

### **GAS CYLINDERS SEIZED**

KOTA BARU: The Kelantan branch of the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has seized 3,226 cylinders of liquefied petroleum gas (LPG) valued at RM193,782 in a raid at the Pengkalan Chepa Industrial Area on Wednesday. Its enforcement chief Azanizam Affendi Juri said the raid and seizure were carried out after the licensee was found to have violated provisions under the Supply Control Act 1961 for transferring controlled items to unlicensed places. He said a team of 25 officers and enforcement personnel raided the premises around 9am.  
- Bernama